

Publication : **Sinar Harian**
Date : 30 June 2014
Section : Bisnes
Page : 57
Headline : Perak jadi pilihan pemaju hartanah

Perak jadi pilihan pemaju hartanah

PROJEK Greenview Residence yang dilancarkan pemaju perumahan Hua Yang Bhd di Bercham, Perak, baru-baru ini mencapai tempahan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 70 peratus dalam masa dua minggu.

Satu lagi projek syarikat itu, Ridgewood turut menerima sambutan tempahan mendekati 40 peratus.

Menurut syarikat itu, Perak menarik perhatian pemaju hartanah sejak kebelakangan ini disebabkan pembangunan mantap di Ipoh.

Penolong Pengurus Besar Hua Yang Tony Ng berkata, Greenview Residence dan Ridgewood merupakan salah satu pembangunan perumahan terakhir di Bercham.

Menurutnya, Hua Yang telah memulakan projek pembangunan di Bercham sejak beberapa tahun yang lalu dan menjangka potensi pembangunan yang pesat di kawasan itu.

"Dengan adanya peningkatan populasi yang stabil di kawasan pinggir bandar Ipoh, kami percaya bahawa permintaan untuk perumahan mampu milik di kawasan sekitar semakin meningkat," katanya.

Beliau berkata, projek perumahan oleh Hua Yang mempunyai kemudahan akses dan lokasi strategik serta dijangka menjana permintaan stabil.

"Hua Yang masih aktif dalam mencari peluang untuk memenuhi simpanan tanah kami, dan menjangka potensi tinggi di Perak," katanya.